

Bahasa dan Kepimpinan: Pengkhalayakan Wacana Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad Language and Leadership: Audienization of the Prime Minister Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad's Discourse

IDRIS AMAN

ABSTRAK

Kepimpinan adalah salah satu proses kehidupan sosial yang penting dan sentiasa mendapat keutamaan manusia. Selaras dengan percaturan dunia hari ini pula, keberkesanan kepimpinan negara begitu ditekankan. Dalam proses kepimpinan, peranan bahasa sebagai wahana komunikasi dan interaksi memang tidak boleh dinafikan. Justeru, tujuan utama tulisan ini ialah memperlihatkan hubungan dialektikal antara bahasa (dengan pengertian wacana) dengan satu aspek proses sosial, iaitu kepimpinan. Dalam kata lain, proses kepimpinan terselindung dalam wacana. Secara khusus, tulisan ini membincangkan bagaimana pemimpin negara menggembleng bahasa bagi keberkesanan proses kepimpinannya, serta pada masa yang sama menjelaskan bagaimana bahasa berperawakan dalam proses tersebut. Bagi mencapai matlamat tersebut, tulisan ini menganalisis wacana perutusan tahun baru Perdana Menteri Malaysia Dr. Mahathir Mohamad. Tulisan ini menerapkan kerangka teori Critical Discourse Analysis. Daripada analisis terhadap wacana berkenaan dirumuskan bahawa asas praktis kepimpinan Mahathir Mohamad ialah 'pengkhalayakan wacana'. Praktis ini terlihat melalui perawakan linguistik, iaitu dari dimensi amalan wacananya dan dimensi tekstualnya. Dari dimensi amalan wacana, pengkhalayakan wacana dibayangkan oleh cara wacana diproses serta ciri interdiskursiviti dan intertekstualiti wacana yang dimanfaatkan. Dari dimensi tekstual, ia dibayangkan oleh penggunaan kata alternatif.

ABSTRACT

Leadership is one of the most important processes in social life and has always been given top priority. Good and quality leadership is important, especially in the wake of today's world situation. In the leadership process, the role of language as communication and interaction tools cannot be denied. Thus, this article aims to show the dialectical relationship between languages (in terms of discourse) with one aspect of the social process, i.e. leadership.

Specifically, this article discusses how a state leader employed language for the effectiveness of his leadership, and simultaneously to explain how language features in the processes. For that purpose, this article analyzes the New Year's messages of Prime Minister of Malaysia Dr. Mahathir Mohamad. This article adopts a 'critical discourse analysis' theoretical framework. From the analysis, it is concluded that the basis of the leadership practice of Mahathir Mohamad is 'audienization of the discourse'. The practice is shown through the linguistic features, i.e. from the dimension of discursive practices and from the dimension of textuality. The former is implied from the discourse processing, inter-discursivity and intertextuality of the discourse. Meanwhile, the latter is implied through the use of alternative words.

PENDAHULUAN

Kepimpinan adalah aspek kehidupan sosial yang sangat penting, hatta dalam kelompok manusia yang kecil pun. Agama Islam sendiri melihatnya demikian, seperti sabda Rasulullah s.a.w. riwayat Abu Daud yang bermaksud “Apabila berkumpul tiga orang untuk keluar musafir menuju ke sesuatu destinasi, maka hendaklah salah seorang di antara mereka itu dilantik menjadi pemimpin” (Andek Masnah 1999: 47). Apatah lagi dalam konteks bernegara, kepentingan kepimpinan tidak boleh dinafikan. Bagi Wan Hashim Wan Teh (1997: 136), pemimpin adalah tangan yang berperanan membina dan mencorak masa depan sesuatu bangsa dan sesebuah negara. Jatuh dan banggunya sesuatu bangsa dan sesebuah negara banyak bergantung pada pemimpinnya. Kepimpinan dalam masyarakat amat penting kerana menjadi tanggapan umum bahawa kestabilan, keharmonian, dan kesejahteraan di dunia dan di akhirat sesuatu masyarakat terdapat pada pemimpinnya (Andek Masnah 1999: 36; Kartodirdjo 1984: v). Dan yang lebih penting lagi, dalam konteks Malaysia, negara yang ditunjangi oleh masyarakat Melayu dan Islam, kepimpinannya perlu berkesan dan kukuh bagi menghadapi dan menangani pelbagai cabaran dunia kini. Menurut Adair (2002) kepimpinan strategik yang berkesan ialah seorang yang mampu mengutarakan perkara-perkara yang terbaik dan yang selaras dengan yang diharapkan oleh organisasi yang sesuai mengikut perubahan masa.

Bagi melaksanakan tugas dalam struktur sosial masyarakatnya, seseorang pemimpin perlu membawa fungsi menguasai, mengatur, dan mengawasi agar tujuan kolektif tercapai serta terjaga nilai-nilai sosiobudaya masyarakat yang dipimpin. Hal ini bermakna, ada interaksi dan komunikasi antara pemimpin dengan pengikut dalam melaksanakan proses kepimpinan (Kartodirdjo 1984: vi). Interaksi dan komunikasi yang demikian sebahagian besarnya dijayakan melalui bahasa atau linguistik. Oleh itu, dalam proses kepimpinan, kepentingan bahasa memang tidak boleh diketepikan kerana bahasa di sini adalah digunakan atau *language in use* atau dalam istilah semasa ialah ‘wacana’. Malah menurut Fairclough dan

Wodak (1997: 259), perkiraan reka bentuk bahasa politik merupakan satu faktor kritikal dalam kejayaan pertarungan politik memandangkan politik adalah juga penting dalam proses kepimpinan negara.

Mengikut Stone (1974), interaksi sosial antara pemimpin dengan pengikutnya boleh berlaku secara bersemuka dan/atau secara jarak jauh. Cara yang pertama itu dinamakan kepimpinan bersemuka manakala cara yang kedua dinamakan kepimpinan jarak jauh. Kepimpinan bersemuka melibatkan kontak peribadi serta-merta antara pemimpin dengan pengikut, dan melibatkan kelompok kecil. Kepimpinan jarak jauh pula melibatkan konteks geografi yang lebih luas. Kebanyakan pemimpin politik (negara) adalah kepimpinan jenis ini. Oleh yang demikian, pemimpin jarak jauh mesti berupaya sampai kepada khalayak, pengikut atau rakyat melalui wacananya (iaitu bahasa), seperti ucapan, perutusan, kempen, dan seumpamanya menerusi pelbagai media. Pemimpin jarak jauh perlu menarik khalayak atau pengikut yang lebih luas yang tidak dikenalnya secara peribadi. Kemunculan dan keupayaan mengekalkan kedudukan bergantung pada kebolehan pemimpin menarik para khalayak atau pengikut (Aminuddin Mohd Yusof 1990: 4-5). Pendek kata, wacana yang dihasilkan oleh pemimpin turut menyumbang dalam pencapaian hasrat kepimpinan. Selain itu, kemampuan berfungsi serta mengekalkan kedudukan sebagai pemimpin juga bergantung erat pada praktis atau amalan kepimpinan yang tumpat atau tertanam di dalam wacana kepimpinannya.

Sungguhpun disedari bahawa persoalan sosial terselindung di dalam bahasa dan bahasa penting dalam analisis sosial,¹ tetapi warisan berharga manusia itu sering dikesampingkan sama ada oleh ahli sains sosial arus perdana mahupun oleh ahli linguistik sendiri. Fairclough (1992) berpandangan bahawa ahli sains sosial tidak berminat memanfaatkan bahasa sebagai sebahagian analisis sosial kerana mereka cenderung mempercayai bahawa isi sosial data bahasa boleh dibaca tanpa pemerhatian mendalam terhadap bahasa.² Di kalangan ahli linguistik pula dikatakan wujud sikap melihat bahasa sebagai 'jernih' atau 'telus' semata-mata, tanpa bacaan terhadap makna sosial yang mungkin tumpat atau terselindung di dalamnya. Secara ringkas, analisis linguistik secara telus bermakna kajian bahasa yang meneliti atau menghuraikan aspek atau sistem kebahasaan semata-mata, seperti fonologi, morfologi, sintaksis, semantik, sosiolinguistiknya, tanpa cuba mengaitkan sistem berkenaan untuk memahami perkara lain yang agak penting tatkala seseorang berbahasa, misalnya proses atau praktis sosial yang tumpat/terselindung di dalam bahasa atau wacananya. Keadaan ini dikatakan mempunyai kaitan dengan dominasi disiplin linguistik oleh paradigma formalistik dan kognitif. Selain itu, ketiadaan dan ketakupayaan metod analisis bagi tujuan itu turut menyebabkan keadaan demikian (lihat juga Idris Aman 2001).

Oleh yang demikian, secara khusus, makalah ini akan membincangkan bagaimana seorang pemimpin Melayu/Islam-Malaysia yang terkemuka, iaitu Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad (sekarang bekas) menggembleng wacananya demi keberkesanan kepimpinannya dalam usaha

membangunkan rakyat dan negaranya serta tentunya bagi kelangsungan kepimpinannya juga. Makalah ini juga turut menjelaskan bagaimana bahasa berperawakan ('figures') di dalam proses tersebut. Secara umum pula, makalah ini bermatlamat mengutarakan pandangan bahawa bahasa – wacana, bukan sahaja perlu dianalisis secara telus, malah melalui metode dan kerangka analisis wacana yang berpada dan sistematik boleh dan wajar pula difahami proses sosial yang terselindung atau tumpat di dalamnya. Dengan kata lain, perawakan atau khasiat linguistik wacana akan dikupas bagi menjelaskan proses kepimpinan yang tumpat yang terdapat di dalamnya.

WACANA DAN KAEDAH KAJIAN

Wacana kepimpinan yang dibincangkan di dalam makalah ini ialah Perutusan Tahun Baru Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad. Perutusan tahun baru Perdana Menteri dapat diperkirakan sebagai suatu wacana kepimpinannya berdasarkan beberapa faktor. Pertama, berdasarkan pandangan Lerman (1985: 185) yang menegaskan bahawa perutusan pemimpin negara merupakan salah satu bentuk komunikasi massa yang paling signifikan, dan merupakan satu-satunya komunikasi 'langsung' antara simbol kuasa politik dan autoriti dengan rakyat. Kedua, perutusan tahun baru Masehi Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad merupakan wacananya kepada seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira faktor keturunan, agama, dan fahaman politik. Dengan kata lain, dalam wacana tersebut beliau berperanan sebagai pemimpin seluruh rakyat Malaysia. Dengan itu, tema dan skop wacana lebih mencakup persoalan rakyat dan negara keseluruhannya. Sedangkan wacananya di majlis-majlis lain biasanya bersifat lebih khusus kepada *addressee* atau kelompok tertentu sahaja. Misalnya, *addressee* utama perutusan tahun baru Hijrah dan hari raya aidil fitri adalah rakyat Islam, *addressee* ucapannya di perhimpunan agung UMNO (United Malays National Organisation) adalah ahli UMNO dan/atau orang Melayu, dan *addressee* ucapannya di majlis-majlis rasmi negara, badan dan agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan, swasta, dan sebagainya adalah golongan berkenaan sahaja, walaupun kemungkinan kewujudan pendengar lain (*hearer*) yang bukan sasaran langsung wacana tidak dapat dinafikan. Selain itu, perutusan tahun baru dapat dianggap ucapan utama negara kerana pewacananya ialah Perdana Menteri dan disampaikan setiap awal tahun baru yang memang bermakna dalam perancangan kehidupan masyarakat dan/atau negara. Tambahan pula di dalam wacana tahun barunya juga biasanya dimuatkan maklumat berkaitan dasar kepimpinannya (Idris Aman 2001).

Sejak memegang jawatan Perdana Menteri mulai 16 Julai 1981, setiap tahun Mahathir Mohamad telah menyampaikan perutusan tahun barunya kepada rakyat Malaysia. Sehingga kini beliau telah menyampaikan sebanyak 21 perutusan tahun baru. Walau bagaimanapun, bagi tujuan perbincangan dalam makalah ini hanya

18 perutusan beliau dijadikan data, iaitu perutusan yang telah disampaikan pada tahun antara tahun 1982 hingga 1999. Secara keseluruhan, wacana tersebut mengandungi 400 perenggan atau 1487 ayat. Teks perutusan yang dianalisis ini diperolehi daripada risalah *Siri Ucapan Penting*, buku *Koleksi Ucapan Mahathir (1992-1995)*, dan buku *Koleksi Ucapan Mahathir (Julai 1995-Disember 1996)* yang kesemuanya diterbitkan oleh Jabatan Penerangan Malaysia. Perutusan tahun baru Perdana Menteri asalnya disiarkan melalui radio dan televisyen oleh Radio dan Televisyen Malaysia (RTM – stesen penyiaran kerajaan) serta stesen penyiaran swasta pada lebih kurang jam 8.30 malam tahun baru. Dalam siaran itu Perdana Menteri Mahathir Mohamad kelihatan membaca teks yang disediakan terlebih dahulu. Program perutusan tersebut dirakam lebih awal.

Analisis ini adalah analisis makro, iaitu kesemua 18 teks perutusan berkenaan diteliti bagi mendapatkan gambaran menyeluruh tentang perkara yang dihajatkan. Bagi memudahkan proses perbincangan, semua teks yang dianalisis ini ditandakan dengan sistem nombor rujukan yang mengandungi maklumat tahun teks perutusan, perenggan, ayat, dan klausa (jika berkaitan). Misalnya, dalam nombor rujukan T99.23.3a, T99 bermakna teks tahun 1999, 23 bermakna perenggan kedua puluh tiga, 3 bermakna ayat ketiga, dan abjad (a) bermakna klausa pertama.

Soalnya, mengapa wacana Mahathir Mohamad? Mahathir Mohamad adalah tokoh besar yang pernah dilahirkan oleh negara moden ini. Hakikat ini sukar dinafikan. Ketokohan Mahathir Mohamad mendapat perhatian banyak pihak sejak beliau dilantik menjadi Menteri Pendidikan setelah memenangi kerusi parlimen di negeri Kedah dalam pilihan raya 1974 (Aziz Zariza Ahmad 1997) dan mendapat perhatian luar biasa apabila menduduki jawatan Perdana Menteri mulai 16 Julai 1981 (Govin 1994: 19). Di kalangan penganalisis politik, sama ada di luar negara mahupun di dalam negara, Mahathir Mohamad merupakan fokus dan subjek kajian yang cukup menarik dan berterusan. Hal ini mungkin kerana beliau dilihat sebagai mempunyai pola kepimpinan yang berbeza daripada Perdana Menteri-Perdana Menteri sebelumnya dan tidak mudah dimengerti orang (Aziz Zariza Ahmad 1997: 1). Adshead (1989), Margaret Thatcher (dalam Govin 1994: 34), dan Azman Ujang (dalam Govin 1994: 6) menyifatkan beliau negarawan dan pemimpin ulung. Zakry Abadi (1990) menyifatkan beliau 'Machiavelli' Malaysia. Rustam A. Sani (dalam Zainuddin Maidin (1994: viii) pula menyifatkan beliau sebagai 'penerus dan pembaharu' dan pengamat yang kritis tentang tahap awal pemerintahan negara ini. Selanjutnya Rustam A. Sani menyifatkan Mahathir Mohamad sebagai watak terpenting dalam kepimpinan dan pertumbuhan masyarakat Malaysia moden dan merupakan pemimpin negara membangun yang lantang suaranya di pentas politik dunia. Ahli antropologi sosial, Shamsul Amri Baharuddin (2003) dalam artikelnya di *Utusan Malaysia* menjelang persaraan Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri mengulas tokoh berkenaan sebagai "seorang tokoh yang mendapat perhatian umum dan cukup luas audiennya, bukan sahaja di Malaysia bahkan di seluruh dunia" lantas menarafkan beliau

sebagai suatu ‘fenomena’, dengan katanya, “pertama kali seorang pemimpin Malaysia boleh dikategorikan sedemikian”.

Di sepanjang era kepemimpinannya pelbagai dasar, rancangan, dan tindakan dilakukannya, sama ada di tahap dalam negara mahupun di tahap antarabangsa, untuk rakyat, negara keseluruhannya atau kumpulan negara tertentu. Pelbagai dasar, rancangan, dan tindakannya itu memperlihatkan kewibawaan, kecekapan, kelainan corak kepimpinan, malah kecekalannya. Namun, ada juga yang berpandangan bahawa sejak menjadi Perdana Menteri, Mahathir Mohamad telah melakukan dominasi berlebihan terhadap kehidupan awam, bersikap sinis terhadap demokrasi dan hak asasi manusia, membentuk politik mengikut kemahuannya, autoritarian, kombatif, konfrantasional, dan jenis cakar lepas (Leifer, dlm. Milne & Mauzy 1999: ix). Pendek kata, Mahathir Mohamad telah memberi impak pada tahap tertentu dalam dunia kepimpinan politik. Di dalam negara, beliau memperkenalkan pelbagai dasar dan projek seperti ‘Kepimpinan Melalui Teladan’, ‘Bersih, Cekap dan Amanah’, penyamaan waktu seluruh negara, pindaan Perkara 66 Perlembagaan yang berkaitan kuasa Yang di-Pertuan Agung, Dasar Pandang ke Timur, Persyarikatan Malaysia, Penswastaan, Penerapan Nilai-nilai Islam, perindustrian berat, projek kereta nasional, jambatan Pulau Pinang, Menara Kembar Petronas, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Formula 1 (F1), Koridor Raya Multimedia (MSC), Putrajaya, penganjuran sukan antarabangsa, Wawasan 2020, dan keberanian memecat Anwar Ibrahim. Di tahap antarabangsa, beliau melaksanakan dasar luar yang proaktif dan dinamis (lihat sebagai contoh, Sharifah Munirah Alatas 2003). Kepada kawan di dalam negara beliau antara lain dikenali sebagai Bapak Perindustrian dan Bapak IT. Kepada kawan di luar negara pula beliau dikenali sebagai *The Voice of the South* dan Ibnu Khaldun abad ke-21. Sebaliknya, kepada lawan, beliau digelar *The Dictator* dan *Anti-Semitic*, Pembela Korporat Korap, dan pelbagai lagi gelaran (Shamsul Amri Baharuddin 2003). Dengan kedudukan yang demikian, adalah wajar wacana kepimpinan beliau turut dijadikan bahan kajian daripada perspektif linguistik juga. Walaupun banyak tulisan tentang beliau telah dihasilkan, tetapi kebanyakannya bukanlah analisis linguistik/wacana, seperti yang makalah ini cuba lakukan.

KERANGKA TEORI BAGI MENGANALISIS WACANA KEPIMPINAN

Kerangka teori yang diterapkan bagi menganalisis wacana kepimpinan tersebut ialah *critical discourse analysis* (diterjemahkan ‘analisis wacana kritis’). Secara umum, analisis wacana kritis melihat wacana bukan sekadar sebagai kategori linguistik dan wahana komunikasi semata-mata, sebaliknya lebih untuk membuat pertalian antara struktur, proses sosial, dan budaya di satu pihak dengan ciri teks (properties of text) di pihak yang satu lagi. Namun, memandangkan pertalian tersebut amat kompleks, maka ia lebih baik dilihat secara tidak langsung atau

melalui perantaraan wacana (Fairclough & Wodak 1997: 277). Bagaimanapun, pertalian berkenaan adalah dialektikal (Fairclough & Wodak 1997: 273), iaitu mencari kebenaran dengan cara berbincang dan membahas secara logikal. Dengan demikian, analisis wacana kritis bukanlah satu kerangka yang melihat wacana secara telus atau jernih semata-mata, sebaliknya merupakan satu kerangka teoretikal yang prihatin dan komited tentang tumpatnya proses sosial di dalam wacana. Dengan kata lain, kerangka teoretikal ini mempertimbangkan bahawa wacana adalah suatu proses sosial, seperti soal pelaksanaan kuasa, ideologi, kepimpinan, kawalan, perkauman, hegemoni, dan solidariti, terutama kesan dan akibat proses sosial dan budaya kontemporari dunia, seperti fenomena globalisasi dan liberalisasi perdagangan. Hal ini selaras dengan pandangan Fairclough & Wodak (1997: 258) yang berbunyi “CDA [critical discourse analysis] sees itself not as dispassionate and objective social science, but as engaged and committed”. Menurut Chouliaraki (2000: 297) pula, bahasa – wacana dalam pengertian ini, secara serentak adalah sebagai amalan tentangnya sendiri, manakala sebagai representasi amalan, wacana adalah satu dimensi proses sosial.

Oleh hal yang demikian, bermakna bahawa analisis wacana kritis juga turut memfokus atau membicarakan isu sosial berbanding paradigma linguistik formalistik semasa. Dan oleh kerana isu sosial itu tumpat di dalam wacana dan bahawa tidak semua orang (pewacana dan penganalisis) menyedarinya, maka analisis dilakukan secara empirikal dan multidisiplin atau interdisiplin bagi membongkarnya (van Dijk 1998: 2; Fairclough & Wodak 1997: 271). Selain itu, analisis wacana berkenaan sebaik-baiknya ditanggap sebagai satu metode mengendalikan kajian terhadap persoalan yang juga memerlukan penjelasan faktor luarannya (Fairclough 1992: 226). Sehubungan itu, analisis wacana kritis juga disifatkan sebagai suatu bentuk tindakan sosial (‘social action’) (Fairclough & Wodak 1997: 279). Dengan kata lain, ia mengupas isu sosial yang kurang/tidak elok yang terpendam di dalam wacana, terutama wacana pihak berkuasa bagi perbaikan atau dijadikan sempadan, atau mengupas proses sosial dan budaya yang baik bagi diteladani.

Secara khusus, makalah ini menerapkan kerangka teoretikal analisis wacana kritis pendekatan Fairclough (1992; 1995). Fairclough melihat wacana dari tiga dimensi, iaitu dimensi sosial, tekstual, dan amalan wacana. Dua yang akhir itu adalah berkaitan perawakan linguistik dan wacana. Penjelasan sesuatu proses sosial yang dikesani di dalam wacana dibuat melalui pertalian dialektikalnya dengan perawakan linguistik dan wacana, iaitu dimensi tekstual yang meliputi pemerihalan struktur teks, perpautan, nahu klausa, dan leksikal yang dimanfaatkan oleh pewacana; dan/atau dengan dimensi amalan wacana yang merupakan penafsiran proses penghasilan, penyebaran, dan penggunaan wacana yang melibatkan proses reproduksi dan soal keprihatinan sosiokognitif (Fairclough 1992: 65, 75-78, 234-237; 1995: 133-134).

Secara prinsip, analisis kritis terhadap wacana bermula dengan kefahaman dan kesedaran umum penganalisis atau keupayaannya menghidu praktis sosial

yang tumpat di dalam wacana berkenaan. Kemudian dianalisis secara lanjut ciri tekstual dan amalan wacana berkenaan. Seterusnya barulah kehadiran praktis sosial berkenaan diperjelaskan, iaitu melalui pertalian secara dialektikal antara dua atau tiga dimensi itu. Berikut adalah dapatan analisis terhadap wacana perutusan tahun baru Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad.

PENGKHALAYAKAN WACANA KEPIMPINAN MAHATHIR MOHAMAD

Daripada analisis didapati bahawa salah satu praktis kepimpinan Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad yang tumpat atau tersirat yang dicungkil di dalam perutusan tahun barunya ialah kepimpinan orientasi khalayak. Kepimpinan orientasi khalayak bermaksud praktis kepimpinan yang mengutamakan atau memperkirakan rakyat yang menjadi sasaran khalayaknya dalam pelaksanaan fungsi interpersonal, tekstual, dan ideasional wacananya. Praktis tersebut berlangsung sebahagian besarnya melalui pengkhalayakan wacana, iaitu wacana dikhalayakan seadanya. Dengan kata lain, secara dialektikal, pengkhalayakan wacana adalah juga pengkhalayakan praktis kepimpinan. Praktis kepimpinan tersebut dirumuskan melalui beberapa perawakan linguistiknya yang dianalisis daripada dimensi amalan wacana dan dimensi tekstualnya. Daripada analisis dimensi amalan wacana, praktis kepimpinan orientasi khalayak dibayangkan oleh cara pemprosesan wacananya (meliputi proses penghasilan dan penyebaran), interdiskursiviti, dan intertekstualiti. Daripada analisis dimensi ciri tekstual pula, praktis kepimpinan tersebut dibayangkan oleh pemanfaatan kata alternatif. Berikut dijelaskan dengan lanjut perawakan linguistik daripada kedua-dua dimensi tersebut.

DIMENSI AMALAN WACANA PERUTUSAN

Di dalam dimensi amalan wacana, pengkhalayakan wacana Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad dilihat melalui hubungan dialektikalnya dengan tahap penglibatan pewacana dalam penghasilan teks, bentuk interaksi, penyebaran dan transformasi teks, interdiskursiviti, dan intertekstualiti.

KETERLIBATAN PEWACANA DALAM PENGHASILAN

Daripada dimensi amalan wacana, penunjuk pertama yang membayangkan praktis kepimpinan orientasi khalayak ialah aspek amalan dan proses penghasilan wacana kepimpinan berkenaan. Walaupun Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad mempunyai pembantu yang boleh menyediakan sebarang ucapannya, tetapi melalui interpretasi secara reproduksi terhadap wacana tahun baru itu, boleh disimpulkan bahawa beliau terlibat aktif dalam penghasilan wacananya

itu, atau sekurang-kurangnya beliau adalah *principal*-nya iaitu seorang yang kedudukannya tergambar melalui kata-kata atau teks yang dihasilkan. Penglibatan aktif itu menunjukkan sikap ambil berat dan prihatin beliau terhadap apa yang bakal diutuskan kepada rakyat. Dengan kata lain, beliau tidak ambil sikap lepas tangan dalam hal penyediaan teks perutusannya dan beliau bukanlah jenis pemimpin yang membaca secara pasif sahaja teks yang disediakan untuknya. Sebagai pemimpin utama negara tentulah beliau bertindak demikian kerana sebarang penyataannya sebagai Perdana Menteri tentu memberi kesan kepada masyarakat luas.

Terdapat beberapa faktor luaran yang boleh menjadi justifikasi terhadap kesimpulan tersebut. Pertama, pandangan yang dikemukakan oleh Khoo Boo Teik (1995: 12-13) yang mengatakan:

First, it is well known that Mahathir handles major speeches with considerable care and responsibility and makes it a point to amend drafts of speeches submitted to him until they meet his approval. Second, many speeches contain phraseology and arguments that closely recall Mahathir's own writing, especially when the speeches deal with some of his favourites subjects, such as values, ethics, the press, and foreign investment. Third, even if some speeches carry nuances and rhetorical flourishes not normally employed by Mahathir in his writings, he nonetheless delivers them with respectively and authentically. This is very often confirmed by the ease with which Mahathir answers questions from journalists or audiences on the subjects addressed by those speeches.

Justifikasi kedua ialah melalui pernyataan yang dibuat oleh Zainuddin Maidin, iaitu wartawan kanan yang menyatakan dirinya rapat secara peribadi dengan Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad. Zainuddin Maidin (1994: 222, *italik saya*) menulis, "Dr. Mahathir tidak membaca akhbar di rumah selepas bangun pagi, sebaliknya setelah selesai sembahyang subuh *beliau akan menulis apa juga yang perlu ditulis seperti rencana dan ucapannya malah waktu di dalam tandas juga beliau gunakan untuk menulis.*"

Pandangan bahawa Mahathir Mohamad memainkan peranan aktif dalam penghasilan teksnya juga diperkukuhkan dengan menoleh sejarah penglibatan beliau dalam aktiviti penulisan buku dan kolum di akhbar sejak zaman persekolahan, ketika menuntut di universiti dan semasa berkhidmat untuk negara. Ketika bersekolah, beliau pernah menjadi editor majalah Maktab Sultan Abdul Halim, *Darulaman*. Sewaktu menuntut di Singapura, beliau menyumbang beberapa artikel untuk akhbar *Sunday Times* dan menjadi editor majalah Kolej Perubatan (Aziz Zariza Ahmad 1997: 16). Sewaktu memegang tampuk kerajaan, beliau merupakan kolumnis bulanan akhbar terkemuka Jepun *Mainichi Daily News* di bawah kolum *Dr. Mahathir's World Analysis*. Beliau juga merupakan penulis buku *The Malay Dilemma* (1970), *Menghadapi Cabaran* (1976), *Warisan Kepimpinan* (1980), *Guide For Small Businessmen* (1985), *Jalan Ke Puncak* (1999), dan *Kebangkitan Semula Asia* (1999).

Dengan justifikasi demikian, penganalisis berkeyakinan bahawa pewacana terlibat aktif dalam penghasilan perutusan tahun barunya itu. Secara dialektikal,

amalan tersebut adalah manifestasi praktis kepemimpinan orientasi khalayak pewacananya.

KEINTERAKTIFAN WACANA MONOLOG

Praktis kepemimpinan orientasi khalayak juga dibayangkan oleh ciri wacana perutusan itu, yang merupakan wacana monolog interaktif. Secara permukaan, wacana perutusan tahun baru Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad memang teks monolog. Walau bagaimanapun, jika didalami, didapati wacana tersebut sebenarnya berfitur interaktif juga. Dikatakan demikian kerana perutusan itu merupakan gambaran respons, jawapan, dan rumusan kepemimpinan beliau terhadap apa-apa yang berlaku dalam tahun berkenaan. Melalui wacana itu didapati beliau memberi nasihat, teguran, saranan, maklumat, argumen, keterangan, dan doa selaku pemimpin utama negara. Dalam perkataan lain, dalam menghasilkan wacana itu beliau mengambil kira perkembangan yang berlaku di dalam dan di luar negara serta pandangan dan sikap rakyat. Praktis sedemikian menunjukkan sifat komited dan ambil berat beliau terhadap khalayak rakyatnya.

Pandangan tentang fitur interaktif wacana monolog ini adalah sejajar dengan pendapat ahli teori Rusia yang terkenal, iaitu Mikhail Bakhtin (1895-1975) yang mengemukakan konsep 'dialogisme'. Menurut Bakhtin, pada hakikatnya terdapat interaksi dialogik implisit di dalam teks monolog. Dialog implisit di dalam teks mungkin merupakan pertukaran atau interaksi sudut pandangan atau nilai antara pengarang dan pembaca (lihat Fowler 1996: 130' 149-159). Malah pandangan ini juga bersesuaian dengan pendapat Coulthard (1994: xi), iaitu "written text is essentially interactive".

KEINTERDISKURSIFAN WACANA

Praktis kepemimpinan orientasi khalayak turut boleh dilihat daripada amalan aspek interdiskursiviti wacana perutusan tahun baru itu. Secara ringkas, interdiskursiviti ialah 'jenis wacana' (discourse type) atau nama-nama lain yang selarasnya, seperti 'genre' atau 'jenis aktiviti' yang dijalinkan atau digembleng di dalam penghasilan sesuatu wacana/teks (Fairclough 1992). Daripada analisis didapati perutusan tersebut dihasilkan dengan mengartikulasikan bersamanya beberapa jenis wacana lain, iaitu laporan, penerangan, hujahan, dan ekspresi. Jenis-jenis wacana tersebut dihasilkan dalam bentuk unit perenggan. Berikut dibincangkan dengan lanjut mengenainya.

Wacana jenis laporan yang dijalinkan di dalam perutusan berkenaan berfungsi memaklumi rakyat tentang keadaan semasa negara. Wacana laporan biasanya dijalin melalui beberapa perenggan pada separuh pertama bahagian isi perutusan. Jenis wacana ini mendedahkan maklumat tentang 'apa', 'siapa', 'bila', atau 'bagaimana'. Matlamat pewacana menginterdiskursivitkannya adalah supaya khalayak rakyat tahu akan perkembangan negara daripada Perdana

Menteri sendiri. Daripada pengertian yang lebih dalam, pengemukaan laporan adalah juga suatu nilai penanggungjawaban.

Berikut dikemukakan contoh wacana jenis laporan yang diinterdiskursifkan di dalam perutusan tahun baru tersebut.

1. T99.03. (a) Krisis ekonomi yang melanda negara kita sejak tahun lalu masih lagi berterusan. (b) Spekulator pedagang mata wang masih dapat bergerak secara berleluasa tanpa sebarang kawalan. (c) Dunia masih belum dapat menerima hakikat bahawa betapa kawalan atau peraturan perlu dikenakan di dalam dagangan mata wang. (d) Kerana itu pedagang mata wang masih bebas menyerang mana-mana mata wang yang tidak dikawal untuk mendapat keuntungan yang besar daripada kesengsaraan rakyat negara-negara berkenaan.
2. T90.10. (a) Malaysia telah memainkan peranan yang lebih ketara dalam arena politik antarabangsa. (b) Kita dipilih menduduki Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu, menjadi Pengerusi Kumpulan 77 dan mempengerusikan Mesyuarat CHOGM. (c) Malaysia diberi penghormatan menghantarkan pasukan keselamatannya berkhidmat dengan Bangsa-bangsa Bersatu di Asia Barat dan Namibia. (d) Banyak negara maju mencari pedoman daripada Malaysia berkenaan cara-cara kita memerangi dadah.
3. T83.03. (a) Dalam bidang politik dan keselamatan negara, kita terus stabil. (b) Pada bulan April yang lalu, kita telah mengadakan Pilihanraya Umum dalam suasana yang tenang dan Parti Barisan Nasional sekali lagi diberi kepercayaan meneraju Kerajaan Malaysia. (c) Sepanjang tahun 1982 tidak ada perkara-perkara yang tidak diingini berlaku dan ancaman penganas komunis dapat dibendung dengan berkesan. (d) Perhubungan kita dengan negara-negara asing adalah baik dan persahabatan rapat telah dijalin dengan beberapa negara kecil dalam konteks kerjasama negara-negara membangun atau 'south-south cooperation'.

Dalam data (1) dilaporkan tentang krisis ekonomi negara semasa akibat tindakan spekulator pedagang mata wang yang tidak terkawal. Dalam data (2) dilaporkan peranan Malaysia yang dipimpinnnya dalam arena antarabangsa, sama ada di tahap Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), Kumpulan 77, atau Komanwel. Dalam data (3) pula dilaporkan tentang keadaan, pencapaian, dan peristiwa utama dalam negara bagi tahun 1982. Jelas, jenis wacana di atas bersifat pelaporan.

Penerangan adalah satu lagi jenis wacana utama yang diinterdiskursifkan di dalam perutusan tahun baru Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad. Wacana jenis penerangan ialah pemerihaln atau pendedahan sesuatu perkara atau maklumat dengan lebih terperinci. Penerangan merupakan lanjutan kepada jenis wacana laporan kerana penerangan bukan sekadar melaporkan 'apa', 'siapa', 'bila', dan 'bagaimana', malah turut menjelaskan sudut 'mengapa' (Ismail Ahmad

1996). Penulis berpandangan, matlamat wacana jenis penerangan yang dimanfaatkan di dalam perutusan tahun baru Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad adalah untuk memberi kefahaman kepada rakyat akan dasar dan idea kepimpinannya. Antara dasar dan idea yang diterangkan ialah bahaya neokolonialisme, perpaduan rakyat dan keamanan negara, pelaburan asing, dan Malaysia sebagai negara maju dan industri. Supaya dasar dan idea berkenaan benar-benar difahami, didapati penerangan yang dijalinakan di dalam perutusan itu dihasilkan melalui tiga teknik, iaitu penerangan sebab-akibat, penerangan bandingan, dan penerangan incian.

Berikut dikemukakan contoh wacana jenis penerangan yang didapati di dalam perutusan tahun baru Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad.

4. T93.02. (a) Kestabilan negara yang terus wujud adalah hasil kerjasama semua kaum yang sentiasa berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk menentukan perpaduan dan keharmonian kaum sentiasa terpelihara di negara ini. (b) Kunci utama kepada perpaduan yang kita banggakan ini ialah semangat toleransi dan sikap saling hormat menghormati antara satu sama lain yang kita amalkan. (c) Dengan wujudnya perpaduan dan kerjasama yang erat antara kaum ini, kita telah berjaya melahirkan sebuah negara yang terus stabil daripada segi politik, ekonomi, dan sosial. (d) Kestabilan ini jugalah yang telah membolehkan kita berjaya untuk menarik pelaburan asing, salah satu faktor yang telah membantu kita mencatat pertumbuhan ekonomi yang tinggi.
5. T94.19. (a) Dalam usaha mereka untuk menunjuk kejayaan pengurusan mereka, pengurus-pengurus cuba mencatat keuntungan yang besar supaya boleh membayar dividen yang tinggi. (b) Dengan itu mereka akan mendapat upah yang bertambah dan banyaklah syarikat gergasi yang cuba 'membeli' mereka dengan tawaran gaji yang semakin tinggi. (c) Di Malaysia juga sudah terserap falsafah ini. (d) Pengurus menuntut gaji dan 'perks' yang semakin tinggi. (e) Sudah ada yang meminta dibayar jumlah upahan berbagai-bagai bentuk bernilai hampir dua juta ringgit setahun.
6. T97.05. (a) Pertumbuhan ekonomi pada paras lebih daripada lapan peratus bagi tahun 1996 telah meningkatkan pendapatan per kapita kepada 4,457 dolar Amerika iaitu bersamaan dengan Ringgit Malaysia 11,118 seorang. (b) Jika dihitung mengikut peningkatan kuasa membeli pula, pendapatan per kapita kita adalah sama dengan kuasa beli 12,508 dolar Amerika di Amerika Syarikat. (c) Ini adalah kerana kos sara hidup di Malaysia jauh lebih rendah. (d) Dengan perkataan lain walaupun upah bagi rakyat Malaysia agak rendah berbanding dengan upah kerja rakyat Amerika untuk kerja yang sama, tetapi barangan yang boleh dibeli oleh rakyat Malaysia tidaklah terlalu kurang berbanding dengan yang boleh dibeli oleh rakyat Amerika atau rakyat negara-negara maju yang lain. (e) Tetapi kos pengeluaran barangan kita tetap rendah

kerana upah dan kos lain yang juga rendah. (f) Dengan itu, barangan kita dapat terus bersaing di pasaran dunia. (g) Inilah strategi kita bagi memajukan ekonomi negara.

Data (4) adalah contoh penerangan sebab-akibat. Di dalam contoh itu, diterangkan sebab kestabilan negara pada ayat (a) dan (b), iaitu hasil perpaduan dan sikap toleransi rakyat. Manakala akibat daripadanya diterangkan dalam ayat (c) dan (d), iaitu negara stabil dari segi politik, ekonomi, dan sosial serta berjaya menarik pelaburan asing.

Data (5) adalah contoh penerangan bandingan. Di dalam data itu diterangkan secara perbandingan akan sikap pengurus di Barat dan di Malaysia kini yang tamak haloba. Penerangan bandingan dimanfaatkan secara peralihan fokus daripada keadaan di Barat kepada fokus keadaan di Malaysia.³ Peralihan fokus itu jelas melalui frasa *di Malaysia juga* yang terdapat pada awal ayat (c).

Data (6) adalah contoh penerangan incian. Di dalam data itu diterangkan tentang pertumbuhan ekonomi dan pendapatan per kapita rakyat. Penerangannya begitu terperinci sekali, iaitu sehingga 7 ayat, lengkap dengan contoh dan hitungan.

Wacana jenis hujahan pula adalah lakuan bahasa yang menyokong atau menentang sesuatu butiran yang dikemukakan secara rasional (Asmah Haji Omar 1996). Menurut Ismail Ahmad (1996), wacana jenis penghujahan lazimnya digunakan untuk menunjukkan 'kepentingan' idea yang diutarakan oleh pewacana. Di dalam perutusan tahun baru Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, wacana jenis hujahan dimanfaatkan bagi mempertahankan, mengutarakan, dan meyakinkan khalayak rakyat terhadap dasar dan tindakan kepimpinan beliau serta menepis tohmahan terhadap kepimpinannya.⁴ Memang dalam era kepimpinannya, beliau banyak memperkenalkan dasar atau tindakan yang kadang-kadang sukar diterima oleh rakyat pada peringkat awalnya, seperti perubahan budaya kerja, penswastaaan, pembuatan kereta nasional, industri berat, Wawasan 2020, mempertahankan kejayaan DEB (Dasar Ekonomi Baru), dan sebagainya (Aziz Zariza Ahmad 1997). Kesempatan dalam perutusan tahun baru itu (di samping di kesempatan/wacana lain juga), digunakan sebaik-baiknya untuk menghujah, mempertahankan, dan meyakinkan khalayak rakyat supaya menerima tindakan kepimpinannya itu. Berikut dikemukakan contoh wacana jenis hujahan yang terinterdiskursif di dalam perutusan tahun baru Perdana Menteri.

7. T96.16. (a) Kerja adalah satu jenis ibadah dan kerja yang boleh menyelamatkan bangsa, agama dan negara tentulah menjadi ibadah yang penting. (b) Kita tidak harus bekerja semata-mata untuk mendapat pendapatan yang bertambah. (c) Kita harus sedar bahawa kerja yang kita buat boleh menolong mempertahankan negara kita.
8. T92.22. (a) Percubaan untuk mengasingkan orang Islam daripada proses pembangunan ke arah Wawasan 2020 kerana kononnya Wawasan itu

tertumpu hanya kepada kebendaan merupakan satu usaha untuk mengekalkan orang Islam dalam keadaan mundur dan daif seperti yang dikehendaki oleh musuh-musuh Islam. (b) Tidaklah keterlaluan jika kita berkata bahawa mereka ini, secara sedar atau tidak sedar, bersubahat dengan musuh-musuh Islam. (c) Dakyah mereka ini menjadi lebih buruk apabila mereka sendiri mendapat nikmat daripada pembangunan yang mereka kecam. (d) Sebenarnya Wawasan 2020 bertujuan mengimbangkan pembangunan material dengan pembangunan rohaniah seperti yang dikehendaki oleh agama Islam. (e) Jika pada tahun 2020 kebolehan dan taraf hidup orang Islam di Malaysia masih di tahap sekarang, kita khuatir iman mereka akan terganggu. (f) Harus diingat bahawa kemiskinan adalah hampir kepada kekufuran.

Daripada analisis didapati bahawa wacana jenis hujahan dimanfaatkan melalui pemerenggan deduktif. Pemerenggan deduktif adalah perenggan yang dibina dengan fakta atau idea hujahan diletakkan di awal perenggan, seawal ayat pertama atau kedua. Ayat berkenaan dinamakan ayat isi atau ayat topik. Ayat ini kemudian diikuti oleh ayat-ayat sokongan. Dalam data (7) dihujahkan idea bahawa kerja, terutama kerja yang boleh menyelamatkan negara, bangsa, dan agama adalah ibadah. Hujah itu terletak dalam ayat (a) Hujahan itu kemudian diperkukuhkan dengan pernyataan sokongan dalam ayat (b) dan (c). Dalam (8) pula, idea yang dihujahkan adalah pada ayat pertama, khususnya bahagian Rema⁵ yang berbunyi “merupakan satu usaha untuk mengekalkan orang Islam dalam keadaan mundur dan daif seperti yang dikehendaki oleh musuh-musuh Islam”. Hujah itu kemudian disokong melalui ayat (b) hingga akhir perenggan.

Satu lagi jenis wacana yang dijalinan di dalam penghasilan perutusan tahun baru tersebut ialah wacana jenis ekspresi. Wacana ekspresi didapati berfungsi sebagai peluahan hasrat dan idea kepimpinan pewartu yang berkaitan ekonomi, sosial, dan kenegaraan. Dari segi ekonomi antara lain diluahkan hasrat berkaitan produktiviti, pencarian pasaran baru, berjimat, rajin, gigih dan berdisiplin dalam kerja, dan mengurangkan spekulasi di pasaran saham. Dari sudut sosial, diluahkan ideanya berkaitan perpaduan, penjagaan dan pendidikan anak, nilai hidup murni, dan kesyukuran. Dari sudut kenegaraan pula diluahkan hasrat berkaitan pengangkatan maruah negara dan mempertahankan kemerdekaannya. Melalui wacana jenis ini Perdana Menteri Dato’ Seri Dr. Mahathir Mohamad didapati meluahkan hasrat dalam mod permintaan, larangan, dan ajakan terhadap khalayak rakyat yang dipimpinnya.

Berikut dikemukakan contoh bagi setiap bentuk jenis wacana ekspresi yang terdapat di dalam perutusan tahun baru tersebut.

9. T90.22. (a) Usahawan-usahawan Malaysia mestilah berani meneroka pasaran-pasaran baru. (b) Mereka masih terlalu bergantung kepada perlindungan kerajaan. (c) Mereka juga terlalu bergantung kepada para

- peniaga negara jiran. (d) Para pekerja Malaysia pula mestilah sanggup melibatkan diri dalam beberapa bidang yang penting dalam proses perindustrian Malaysia.
10. T85.08. (a) Janganlah kita bercakap seolah-olah tidak ada sentimen perkauman dan kita menolak hakikat kaum, tetapi di samping itu kita timbulkan bermacam-macam perkara yang menyempitkan lagi perkauman di kalangan kaum-kaum tertentu. (b) Janganlah kita cuba bermain dengan api perkauman kerana ia amat bahaya. (c) Perpaduan tidak akan wujud jika api perkauman ditiup tanpa tanggungjawab.
 11. T98.27. (a) Marilah kita semua menghadapi cabaran bersama. (b) Marilah kita berkorban. (c) Marilah kita bersatu padu mempertahankan kedaulatan dan maruah bangsa, negara dan agama kita. (d) Dengan izin Tuhan, perjuangan yang terhormat ini akan berjaya.

Data (9) adalah peluahan permintaannya tentang betapa perlunya usahawan Malaysia berani meneroka pasaran baru. Luahan permintaannya itu jelas diperhatikan melalui penggunaan kata modaliti *mestilah* dalam ayat pertama dan ketiga. Menurut Fairclough (1992) penggunaan modaliti turut membayangkan bentuk hubungan sosial yang ingin dibentuk antara pewacana dengan khalayaknya. Data (10) adalah peluahan hasratnya tentang keperluan mengelakkan sentimen perkauman. Luahan berkenaan dikemukakan secara mod larangan melalui penggunaan kata *janganlah* pada ayat pertama dan kedua. Data (11) adalah peluahan ajakan bersatu dan berkorban untuk negara. Mod ajakan itu terserlah melalui penggunaan kata ajakan *marilah* dalam ayat pertama, kedua, dan ketiga.

Daripada maklumat di atas dapat disimpulkan bahawa matlamat penginterdiskursivitian jenis-jenis wacana tersebut di dalam perutusan tahun baru Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad adalah supaya rakyat tahu, faham, yakin, ikut serta dan bersama terhadap dasar kepimpinannya. Tegasnya, berdasarkan amalan wacana demikian (iaitu daripada fungsi dan matlamat jenis wacana tersebut) menunjukkan praktis kepimpinan beliau ialah kepimpinan yang mengutamakan atau berorientasi khalayak.

KEINTERTEKSTUALAN WACANA

Satu lagi amalan wacana yang membayangkan praktis kepimpinan orientasi khalayak ialah apa dan bagaimana unsur intertekstualiti⁶ dimanfaatkan oleh Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad di dalam perutusan berkenaan. Didapati, wacana itu memanfaatkan dua bentuk intertekstualiti, iaitu metawacana⁷ dan praandaian.

Metawacana yang dijalinkan di dalam wacana kepimpinan Mahathir Mohamad itu ialah sumber dari teks lain, iaitu kosa peribahasa Melayu dan Inggeris dan kosa teks agama Islam. Bagaimanapun, penggunaannya agak

terbatas. Kedua-duanya sama ada dinyatakan secara ketara oleh pewacana, seperti penggunaan frasa nama khas *Pepatah Melayu* dan *Hadith Nabi* bagi merujuk metawacana berkenaan (lihat [12]), atau secara tak ketara daripada maklumat lama yang difikirkan pembaca sudah mengetahuinya, seperti *haruslah diingat bahawa* dan *benarlah* (contoh (13) atau (14)) sebelum meng-intertekstualitikan kosa teks lain itu. Lihat contohnya berikut, terutama bahagian yang diitalikkan dan digelapkan:

12. T83.07. (a) Kita tidak mahu menyuruh rakyat mendabik dada dan bermegah-megah tetapi kita tidak harus malu kerana kita cintakan negara ini. (b) Pepatah Melayu "*Hujan emas perak di negara orang, hujan keris lembing di negeri sendiri, masih juga kita inginkan negeri sendiri*". (c) Tidak ada manusia yang berhati batu hingga ia tidak sedikit pun mencintai tanah tumpah darahnya. (d) Hadith Nabi "*Habbul watan, minal iman*" – kasihkan negara sendiri adalah sebahagian daripada iman.
13. T96.18. (a) Kita tidak dikehendaki bekerja sehingga melupakan ibadat untuk akhirat. (b) Kedua-duanya boleh dibuat bersama. (c) Di negara Islam yang miskin papa, ibadat untuk akhirat pun tidak dapat dilakukan dengan sempurna. (d) Demikian juga bagi orang Islam yang telah merantau ke negara lain kerana kemiskinan, kadang-kadang mereka bukan sahaja tidak dapat beribadat tetapi terpisah daripada agama mereka. (e) Benarlah *kemiskinan itu membawa kepada kekufuran*.
14. T84.09. (a) Tidak ada dasar atau konsep dalam dunia ini yang baik seratus-peratus. (b) Tentulah ada keburukan dan kelemahan padanya. (c) Tetapi sebagai makhluk yang boleh berfikir kita boleh *buang yang keruh dan ambil yang jernih*.

Secara keseluruhan, metawacana dimanfaatkan lebih secara 'milik diri', iaitu dipadukan secara struktur, stail, serta dilindungi tanda-tanda proses intertekstualitinya. Tujuannya ialah untuk memudahkan pemahaman di pihak khalayak dan supaya tidak terlalu akademik, formal, dan khusus sifatnya. Dalam hal ini, pewacana cuba tidak menjarakkan dirinya daripada wacana dan khalayak. Ini terbukti melalui jenis kosa teks lain yang digunakan, iaitu kosa peribahasa (Melayu dan Inggeris) dan kosa teks agama Islam yang masing-masing sebenarnya berciri didaktik. Selain itu, pada hemat saya, penyisipan kosa teks Islam (hadis Nabi dalam (12) dan (13)) sengaja tidak dinyatakan perawinya kerana kosa teks itu dianggap sudah dimaklumi oleh khalayak khususnya, iaitu masyarakat Islam, di samping beliau tidak berhajat menghasilkan genre Islam khusus demi kefahaman khalayak umumnya juga, iaitu rakyat bukan Islam.

Sementara itu, praandaian pula hadir dalam bentuk rujukan secara umum sahaja tanpa dinyatakan secara tegas sumbernya. Kehadirannya pun tidak banyak. Antaranya ialah T85.16. (a) Ada yang berkata *disiplin akan menjadikan kita robot*; dan T91.05. (a) Walaupun ada pendapat yang berkata *Dasar Ekonomi*

Baru (DEB) gagal setelah genap 20 tahun pelaksanaannya tetapi sebenarnya kejayaan DEB adalah luar biasa berbanding dengan lain-lain rancangan sosioekonomi yang dilaksanakan di seluruh dunia. Penggunaan praandaian secara umum (unsur yang digelapkan) adalah untuk mengelakkan kontroversi, sebaliknya mempertahankan hubungan pemimpin-rakyat.

Pemanfaatan kedua-dua bentuk intertekstualiti tersebut (metawacana dan praandaian) secara demikian serta terbatas membayangkan amalan berwacana Perdana Menteri yang lebih mementingkan pengutaraan pendapatnya sendiri secara terus, mudah, dan tidak berbelit-belit. Dengan kata lain, ini juga memperlihatkan praktis kepemimpinan orientasi khalayak beliau.

KETERSEBARAN DAN PENTRANSFORMASIAN TEKS

Praktis kepemimpinan orientasi khalayak juga terbayang melalui sifat penyebaran dan transformasi wacana perutusan tahun baru berkenaan. Dari perspektif penyebaran wacananya, selaras dengan kedudukan beliau, perutusan itu disebarluaskan kepada khalayak rakyat Malaysia. Ini dilakukan dengan bantuan pelbagai media rasmi kerajaan atau swasta, elektronik atau pun bercetak, seperti penyiaran melalui televisyen, radio, dan akhbar. Malah teks berkenaan juga diterbitkan sebagai risalah kerajaan dan dibukukan oleh Jabatan Penerangan Malaysia.

Di samping itu, perutusan tersebut turut mengalami transformasi teks yang memberi kemudahan kepada rakyat untuk mencapai atau membacanya. Ini dilakukan melalui penjana semula teks perutusan itu kepada bentuk berita oleh media massa, seperti di televisyen, radio, dan akhbar. Penyebarluasan dan transformasi teks itu turut juga melibatkan alih bahasa dari bahasa Melayu ke bahasa-bahasa utama lain penduduk Malaysia, seperti bahasa Inggeris, Cina, dan Tamil.

Amalan wacana demikian membuktikan akan wujudnya sifat memperkirakan kebolehcapaian khalayak rakyat terhadap wacana tersebut. Melalui kaedah ini khalayak rakyat yang dipimpinya yang terdiri daripada pelbagai golongan masyarakat yang berbeza keturunan, agama, dan bahasa difikirkan akan dapat mengikuti wacana berkenaan.

DIMENSI CIRI TEKSTUAL

Di dalam dimensi tekstual, satu aspek yang diberi tumpuan analisis ialah leksikalisasi. Leksikalisasi bermaksud proses 'memberi kata' kepada dunia yang berlaku secara berbeza-beza, dalam waktu dan tempat yang berbeza, dan bagi kelompok manusia yang berbeza (Fairclough 1992). Dengan perkataan lain, satu perkataan boleh mempunyai lebih daripada satu makna; begitu juga banyak kata boleh merujuk pada satu makna.

Di dalam perutusan tahun baru Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad aspek leksikalisasi yang ketara digunakan adalah kata/frasa alternatif. Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad didapati kerap memanfaatkan kata/frasa alternatif dalam mengutarakan idea, pandangan, dan wawasan kepimpinannya kepada khalayak rakyat. Secara dialektikalnya, penggunaan kata alternatif di dalam perutusan tahun barunya itu adalah membayangkan pengkhalayakan wacana kepimpinannya. Ini sejajar dengan pandangan Vološinov (1929/1973 dlm. de Beaugrande (1999)) bahawa kata merupakan objek fundamental bagi kajian ideologi.

PENGGUNAAN KATA ALTERNATIF

Penggunaan kata alternatif bermaksud mengatakan sesuatu makna dengan pelbagai cara atau kata. Di dalam wacana kepimpinannya itu, Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad didapati menggunakan kata alternatif apabila berbicara tentang kedaulatan negara, budaya kerja baru, dan perpaduan rakyat. Ini dilakukannya di dalam kebanyakan teks tahun barunya itu, iaitu T82, T83, T86, T87, T88, T89, T90, T93, T98, dan T99. Jadual 1 menunjukkan idealisme kepimpinan beliau dan sebahagian kata alternatif yang digunakan.

Pembinaan ciri tekstual dan amalan berwacana seperti ini bermakna pewacana mengulang-ulang tentang idea kepimpinan yang sama di dalam perutusan tahun barunya tetapi dipelbagaikan kata/frasa mengenainya. Dengan kata lain, beliau

JADUAL 1. Kata alternatif dalam wacana kepimpinan

Idealisme kepimpinan	Kata/frasa alternatif
Kedaulatan Negara	<ul style="list-style-type: none"> • kemerdekaan • maruah • kebebasan • penjajahan • hamba penjajah • berdiri sama tinggi duduk sama rendah
Perubahan Etika/Budaya Kerja	<ul style="list-style-type: none"> • kecekapan • mampu bersaing • kos pengeluaran rendah • produktiviti • pasaran baru
Perpaduan	<ul style="list-style-type: none"> • rukun damai • berganding bahu • kerjasama • persefahaman

mengulang-ulang wacananya tentang perkara yang sama di ketika lain, dengan kata atau frasa lain. Matlamat penggunaan beberapa kata alternatif adalah supaya idea kepimpinannya sampai dan dapat difahami oleh khalayak rakyat serta berkesan. Pada hemat saya, kaedah mengulang-ulang ini adalah sejajar juga dengan prinsip yang beliau sering tegaskan di dalam wacana-wacananya yang lain, iaitu sesuatu perkara yang sukar jika dilakukan berulang kali dan bersungguh-sungguh akhirnya akan dikuasai juga. Oleh yang demikian, ini juga membuktikan bahawa wacana kepimpinan yang dihasilkannya itu bersifat orientasi khalayak.

Berikut ialah contoh penggunaan kata alternatif di dalam perutusan tahun baru Perdana Menteri Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad.

15. T82.03. (a) *Kemerdekaan* membawa berbagai kemungkinan – iaitu kemungkinan untuk *menguasai nasib kita sendiri*, kemungkinan untuk *memiliki dan mengawal kekayaan kita sendiri*, dan kemungkinan untuk mengatur serta menempa masa depan yang penuh bererti. (b) *Kemerdekaan* dengan sendirinya tidak menentukan kejayaan dan kebahagiaan. (c) Sesungguhnya banyak negara yang sesudah mencapai *kemerdekaan* telah menjadi lebih terkongkong kerana tidak dapat menguasai urusan rumahtanga masing-masing dengan berkesan. (d) Cuma apabila kita dapat *berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah* dengan negara-negara lain barulah *kemerdekaan* mempunyai makna.
16. T87.10. (a) Kita cuma boleh *bersaing* dengan jayanya jika *kos pengeluaran kita rendah* tanpa menjejaskan *kualiti* dan tempoh penghantaran atau 'delivery' kita. (b) Untuk tujuan ini walaupun tindakan menurunkan gaji boleh membantu, tetapi yang lebih penting ialah *kos pengeluaran* sesuatu unit barangan itu hendaklah lebih *rendah*. (c) Jika para pengurus dan para pekerja dapat *mengeluarkan* apa jua *barangan dagangan dengan lebih banyak tanpa meningkatkan kos*, dan kita dapat *membekalkan dengan jadual yang tepat*, maka kita boleh bersaing dengan sesiapa sahaja dengan jayanya. (d) Segala tindakan yang meningkatkan kos akan menjadikan kita kurang mampu bersaing atau tidak 'competitive' dan ini akan menjejaskan pemulihan ekonomi negara kita.

Data (15) adalah contoh penggunaan kata/frasa alternatif bagi 'kedaulatan negara'. Antara kata/frasa alternatif yang dimanfaatkan ialah *kemerdekaan*, *menguasai nasib kita sendiri*, *memiliki dan mengawal kekayaan kita sendiri*, dan *berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah*. Data (16) adalah contoh penggunaan kata/frasa alternatif berkaitan 'perubahan budaya kerja' di dalam perutusan tersebut. Kata/frasa alternatif yang digunakan ialah *bersaing*, *kos pengeluaran rendah*, *kualiti*, *membekalkan dengan jadual yang tepat*, dan *mengeluarkan barangan dagangan dengan lebih banyak tanpa meningkatkan kos*. Dalam data tersebut, kata/frasa berkenaan diitalikkan.

RUMUSAN

Praktis kepemimpinan orientasi khalayak yang tumpat di dalam wacana perutusan Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad adalah proses sosial yang cuba diperkatakan di dalam makalah ini. Praktis kepemimpinan demikian membayangkan cara tindakan kepemimpinan beliau, iaitu cara beliau bertindak ke atas dunia, terutamanya ke atas khalayak rakyat pimpinannya sebagai sebahagian cara representasi. Bagaimanapun, praktis begitu juga menunjukkan bahawa beliau bertindak dalam kerangka pemimpin jarak jauh dan pemimpin negara demokrasi, dalam konteks perutusan tahun baru, dan dalam sesuatu situasi tertentu. Oleh sebab itu, wajarlah wacana dan ciri tekstualnya serta praktis kepemimpinan demikian dibentuk bagi tujuan mendapatkan sokongan, kepercayaan, dan persefahaman. Ini barangkali berkait juga dengan kepercayaan beliau yang ada berkata bahawa "Dalam politik, yang penting sekali ialah *acceptability* sementara *intelligence* adalah yang kedua" (dalam Zainuddin Maidin 1994: 276-277).

PENUTUP

Makalah ini adalah analisis wacana yang berhajat mengetengahkan pandangan bahawa bahasa, i.e wacana adalah sebahagian gambaran proses sosial. Berbeza dengan analisis linguistik atau wacana yang lazimnya menghuraikan sistem kebahasaan dalam konteks dan tujuan kebahasaan semata-mata, makalah ini merupakan analisis wacana yang selain menghuraikan perkara di atas, juga turut cuba memahami aspek di luarnya, tetapi terintegrasi di dalamnya, iaitu proses sosial. Pendek kata, makalah ini merupakan contoh perspektif analisis wacana bagi analisis sosial. Untuk itu, melalui kerangka teoretikal analisis wacana kritis, di dalam makalah ini, telah dijelaskan bahawa wacana perutusan tahun baru Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad mengandungi praktis kepimpinannya.

Kepimpinan adalah proses sosial yang penting dalam kehidupan. Dalam konteks Malaysia, kepimpinan Mahathir Mohamad seperti yang telah dinyatakan di atas amat signifikan untuk dijelaskan dan difahami bagi kita menilai, melaksanakan, menghargai, atau mempelajari kualiti kepimpinannya. Kefahaman yang baik dan kritis tentang praktis kepemimpinan tokoh besar ini (seperti yang dimanifestasikan di dalam wacananya) amat bererti dalam usaha kita memahami arah pertumbuhan masyarakat kita pada masa hadapan serta memantapkan lagi pertumbuhannya. Ini juga boleh merupakan sumbangan kepada masyarakat, khususnya generasi muda daripada terjebak dalam sentimen pembencian atau penyanjungan melulu.

PENGHARGAAN

Makalah ini telah ditambahbaik dan diperkemas daripada kertas kerja Pengkhalayakan Wacana Kepimpinan: Analisis Wacana Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad yang dibentangkan di Kolokium Bahasa dan Pemikiran Melayu/Indonesia Ke-3, di Prince of Songkla University, Pattani, Thailand, pada 4-7 Mei 2002.

NOTA

1. Misalnya, Pêcheux (1982) telah mengenal pasti wacana sebagai bahan utama linguistik bagi membentuk ideologi; Foucault (1979) telah menegaskan kepentingan teknologi dalam kuasa bentuk moden jelas didahului oleh bahasa; dan Habermas (1984) pula menegaskan bahawa penguasaan kehidupan dunia oleh sistem ekonomi dan *state* adalah melalui penggunaan bahasa secara strategik (lihat Fairclough 1992: 2-5). Selain itu, Chilton & Schäffner (1997: 206) menulis, "It is surely the case that politics cannot be conducted without language, and it is probably the case that the use of language in the constitution of social groups leads to what we call 'politics' in a broad sense".
2. Walau bagaimanapun, makalah ini tidak berhasrat memperkatakan perkara ini secara lebih lanjut. Sebaliknya perbincangan ditumpukan lebih dalam kerangka disiplin linguistik.
3. T94.19 ini adalah lanjutan daripada T94.18 yang membicarakan masalah yang sama.
4. Ini juga mempunyai kaitan dengan monolog interaktif yang dibincangkan dalam bahagian Keinteraktifan Wacana Monolog di atas.
5. Dalam linguistik fungsional, ayat/klausa terbina daripada unsur Tema + Rema. Rema adalah bahagian yang menempatkan maklumat baru, atau komen dalam sesuatu ayat atau klausa. Bahagian inilah yang menjadi idea pewacana.
6. Istilah *intertextuality* (intertekstualiti) diperkenalkan oleh Kristeva pada 1966 sebagai memperjelas konsep *translinguistic* Bakhtin. Secara ringkas, intertekstualiti ialah sumber dari teks lain yang dianyam bagi menghasilkan teks baru. Menurut Fairclough (1992: 117), intertekstualiti adalah kes di mana teks khusus lain dimanfaatkan dalam penghasilan wacana atau teks baru. Beliau menulis, "text absorbs and is built out of texts from the past". Intertekstualiti dilaksanakan melalui beberapa bentuk, seperti representasi wacana, praandaian, nafian, metawacana, dan ironi. Dalam konteks ini, pengenalan unsur intertekstualiti yang dimanfaatkan oleh pewacana akan membantu proses pemahaman hubungan dialektikal antara amalan wacana dengan praktis kepimpinan.
7. Metawacana ('metadiscourse') adalah cara pewacana membezakan aras yang berlainan di dalam teksnya sendiri serta cara pewacana menjarakkan dirinya daripada sesetengah aras teks, dan menganggap aras berlainan itu sebagai milikan teks lain (Fairclough 1992). Metawacana berperanan melalui penyisian ('hedging'), penegasan sumber teks lain atau konvensyen tertentu, metafora, dan parafrasa.

RUJUKAN

- Adair, J. 2002. *Effective Strategic Leadership*. London: Pan Books.
- Adshed, R. 1989. *Mahathir of Malaysia: Statesmen and Leader*. London: Hibiscus.
- Aminuddin Mohd Yusof. 1990. *Kepimpinan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Andek Masnah Andek Kelawa. 1999. *Kepimpinan Wanita dalam Islam: Kedudukannya dalam Syariah*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Asmah Haji Omar. 1996. *Wacana Perbincangan, Perbahasan dan Perundingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aziz Zariza Ahmad. 1997. *Mahathir's Paradigm Shift: The Man Behind the Vision*. Taiping: Firma.
- Azman Ujang. 1994. Foreword. Dlm. Govin Alagasari. *Mahathir: The Awakening*. Kuala Lumpur: Uni-Strength Sdn. Bhd.
- Chilton, P. & C. Schäffner. 1997. Discourse and politics. Dlm. Van Dijk, T.A. (ed.). *Discourse as Social Interaction*. London: Sage Publications Ltd. Pgs. 206-230.
- Chouliaraki, L. 2000. Political Discourse in the News: Democratizing Responsibility or Aestheticizing Politics? *Discourse & Society* 11(3): 293-314.
- Coulthard, M. 1994. Preface. Dlm. Coulthard, M. (ed.). *Advances in Written Text Analysis*. London and New York: Routledge. Pgs. xi-xii.
- De Beaugrande, R. 1999. Discourse Studies and the Ideology of 'Liberalism'. *Discourse Studies* 1(3): 259-295.
- Fairclough, N. & R. Wodak. 1997. Critical Discourse Analysis. Dlm. Van Dijk, T.A. (ed.). *Discourse as Social Interaction*. London: Sage Publications Ltd. Pgs. 206-230.
- Fairclough, N. 1992. *Discourse and Social Change*. Cambridge: Polity Press.
- _____. 1995. *Critical Discourse Analysis: The Critical Study of Language*. London: Longman.
- Fowler, R. 1996. *Linguistic Criticism*. Second edition. Oxford: Oxford University Press.
- Goffman, E. 1981. *Forms of Talk*. Oxford: Basil Blackwell.
- Govin Alagasari. 1994. *Mahathir: The Awakening*. Kuala Lumpur: Uni-Strength Sdn. Bhd.
- Idris Aman. 2001. Wacana dan Kepimpinan: Satu Analisis Terhadap Perutusan Perdana Menteri Mahathir Mohamad. Tesis PhD. Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya (tidak diterbitkan).
- Ismail Ahmad. 1996. *Penulisan Saintifik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kartodirdjo, S. 1990. Kata pengantar. Dlm. Kartodirdjo, S. (Peny.). *Kepimpinan dalam Dimensi Sosial*. Jakarta: Lembaga Penelitian Pendidikan dan Penerangan Ekonomi dan Sosial.
- Khoo Boo Teik. 1995. *Paradoxes of Mahathirism: An Intellectual Biography of Mahathir Mohamad*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Leifer. 1999. Foreword. Dlm. Milne, R.S. & D. K. Mauzy. *Malaysian Politics Under Mahathir*. London: Routledge.
- Lerman, C. L. 1985. Media analysis of a Presidential Speech: Impersonal Identity Forms in Discourse. Dlm. Van Dijk, T.A. (ed.). *Discourse and Communication: New Approaches to the Analyses of Mass Media Discourse and Communication*. Berlin-New York: Walter de Gruyter. Pgs. 185-215.
- Oxford Advanced Learner's Dictionary*. 1995. Oxford: Oxford University Press.

- Rustam A. Sani. 1994. Prakata. Dlm. Zainuddin Maidin. *Mahathir di Sebalik Tabir*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Shamsul Amri Baharuddin. 2003. Mahathir Sebagai Fenomena. *Utusan Malaysia*. Khamis 30 Oktober. Hlm. 6.
- Sharifah Munirah Alatas. 2003. The Role of NGOs and Non-State Actors in Malaysia's Foreign Policy Formulation During the Mahathir Era. *Akademika* 62(Januari): 59-84.
- Van Dijk, T. A. 1998. Critical Discourse Analysis. <http://www.hum.uva.nl/~teun/cda.htm>.
- Wan Hashim Wan Teh. 1997. Tamadun Melayu dan Pembinaan Tamadun Abad Kedua Puluh Satu. Dlm. Ismail Hussein. *et. al. Tamadun Melayu Menyongsong Abad Kedua Puluh Satu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. Hlm. 69-144.
- Zainuddin Maidin. 1994. *Mahathir di Sebalik Tabir*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Zakry Abadi. 1990. *Mahathir 'Machiavelli' Malaysia*. Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise.

Idris Aman, Ph.D
Program Linguistik
Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor Darul Ehsan
Malaysia